



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

**Untuk Siaran Segera**

### **BERPEGANG KEPADA KEBENARAN, MCMC MEMPERINGATKAN**

**CYBERJAYA, 23 Julai 2015** --- Portal berita dalam talian telah diberi peringatan oleh MCMC untuk mengesahkan sumber kandungan mereka, berpandukan kepada fakta dan menulis laporan berdasarkan kepada kebenaran.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, MCMC menegaskan, sebarang laporan yang palsu atau kurang tepat, ataupun penyebaran maklumat yang tidak benar, boleh menganggu-gugat keamanan dan kestabilan negara, dalam aspek ekonomi dan keselamatan nasional. Sehubungan itu, MCMC bertegas mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang melaporkan sesuatu berita yang tidak tepat ataupun maklumat yang tidak ditentukan kesahihannya.

Ini termasuk juga sebarang kandungan yang disiarkan di media sosial.

Menurut kaji selidik yang dijalankan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) untuk mengenalpasti isu-isu utama yang dihadapi dunia pada 2014, penyebaran maklumat palsu dalam talian secara berleluasa berada pada kedudukan ke-10 dalam 10 Trend Teratas 2014 di seluruh dunia.

Lantaran itu, MCMC menasihatkan orang ramai agar lebih berhati-hati dengan sebarang maklumat yang mereka peroleh daripada sumber-sumber dalam talian. Dengan penggunaan Internet yang semakin menyeluruh dan betapa mudahnya individu-individu mendapat ruang di media sosial, ia tidak bermakna segala-gala yang dinyatakan dalam media sosial adalah benar. Tindakan menyiarkan semula cerita ataupun maklumat daripada sumber-sumber lain yang belum ditentukan kesahihan berkemungkinan melanggar Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Sekatan terhadap laman sesawang The Sarawak Report telah dilakukan oleh MCMC di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 berdasarkan aduan dan maklumat daripada orang ramai.

MCMC turut menegaskan, sekatan akses terhadap kandungan dalam talian bukan hanya sekadar menyekat sesebuah laman sesawang semata-mata. Ini kerana, masih lagi terdapat beberapa cara yang lain untuk mengakses terhadap kandungan tersebut kerana tidak wujud apa yang dipanggil sebagai sekatan mutlak terhadap sebarang perkara di Internet. Ia merupakan sifat Internet dan mereka yang mempunyai niat jahat boleh selalu mengatasi halangan yang wujud.

Justeru, orang awam mesti berwaspada dengan apa yang mereka baca di Internet dan apa yang disebarluaskan dalam talian.



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

Fikir terlebih dahulu sebelum memuat naik atau memajukan sebarang maklumat yang diperoleh daripada Internet. Ujar MCMC, hanya disebabkan maklumat berkenaan ada di Internet tidak bermakna ia semestinya benar.

**For Immediate Release**

### **STICK TO THE TRUTH, REMINDS MCMC**

**CYBERJAYA, 23 July 2015 ---** Online news portals have been reminded by the MCMC to verify their sources, stick to the facts and base their reports on the truth.

In a statement released, the MCMC said that false or inaccurate reporting, or the spread of misinformation, can destabilise the peace and harmony of a country, its economy and national security. As such, the MCMC will not hesitate to take action against any party who falsely or inaccurately reports anything, or spreads misinformation which has not been verified.

This includes anything which appears in the social media, also.

According to the World Economic Forum (WEF) survey to identify the main issues the world faced in 2014, the rapid spread of misinformation online is number 10 in the Top 10 Trends of 2014 worldwide.

As such, the public must be wary and cautious about everything they get from online sources. The pervasiveness of the Internet and the ease with which individuals can find a voice in the social media does not mean that everything which is said in the social media is true, said the MCMC. Reposting stories or information from other sources which are unverified may also be in breach of the Communications and Multimedia Act 1998.

The Sarawak Report has been blocked by the MCMC under the Communications and Multimedia Act 1998, based on complaints and information received from the public.

The MCMC stressed that restricting access to online content is not just a matter of blocking a website. There are ways to still access that content as there is no such thing as an absolute block of anything on the Internet. That is the nature of the Internet and those with negative intent can always get around these blocks.

That is why the public must be cautious about what they read on the Internet and what is spread online.



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

Think twice before reposting or forwarding any information obtained from the Internet. Just because it is there does not mean that it is true, said the MCMC.

**END/**

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:  
Tel: +603 8688 8000    Faks: +603 8688 1007    E-mel: [scd@cmc.gov.my](mailto:scd@cmc.gov.my)